

**Senarai Calon Pilihan Raya SUPP Telah Dihantar Kepada PM
Bernama
18 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 18 Mei (Bernama) -- Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) telah mengemukakan senarai calonnya bagi pilihan raya umum akan datang kepada Perdana Menteri dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) Datuk Seri Najib Tun Razak, kata presiden parti Datuk Seri Peter Chin.

Beliau berkata calon berkenaan ialah untuk kerusi Parlimen Bandar Kuching, Stampin, Serian, Sarikei, Sibul, Lanang dan Miri.

"Terdapat empat muka baru dalam kalangan tujuh calon itu tetapi saya tidak boleh dedahkan siapa mereka dan jumlah nama yang kami kemukakan. Ia sulit," katanya kepada Bernama semasa dihubungi.

Chin, yang juga Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air berkata keputusan muktamad mengenai pemilihan calon terletak di tangan Najib.

Pada pilihan raya umum 2008, SUPP mengekalkan enam kerusi Parlimen - Serian, Sarikei, Miri, Sibul, Lanang dan Stampin - dan kalah di Bandar Kuching kepada DAP.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=667070>